



SIARAN MEDIA

KERAJAAN MADANI PERKASA KELANTAN: RM146.2 JUTA DISALURKAN MENERUSI PROGRAM SENTUHAN KASIH KPKT

KOTA BHARU, 18 Julai 2025 - Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming (YB KM) meneruskan siri jelajah **Sentuhan Kasih KPKT ke Kelantan** hari ini dengan meninjau tiga (3) daripada **24 projek** yang sedang dilaksanakan di negeri ini. Keseluruhan peruntukan yang disalurkan berjumlah **RM146,219,170.68**, melambangkan komitmen berterusan Kerajaan MADANI dalam menjamin kesejahteraan rakyat tanpa mengira latar belakang atau kecenderungan politik.

Peruntukan yang diluluskan ini akan dilaksanakan pada tahun 2025 dengan dikawal selia oleh 11 Agensi di bawah KPKT. Ia merangkumi pelbagai inisiatif kesejahteraan bandar seperti berikut :

1. **4 projek** melibatkan projek **pembinaan baharu Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Residensi Rakyat (PRR)** - RM12,700,000.00;
2. **2 projek Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM) dan Program Penyelenggaraan Perumahan (PPP)** - RM2,696,600.00;
3. **Bengkel Kejuruteraan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia** - RM1,500,000.00;
4. **5 projek Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)** dengan peruntukan RM26,377,700.00 iaitu :
 - i. Projek pembangunan PBT - RM24,036,700.00;
 - ii. Pembinaan bangunan Pasar Baru di Pasar Siti Hajar, Pasir Puteh - RM141,000.00;
 - iii. Membaik pulih dan kerja pengukuhan cerun - RM1,000,000.00;
 - iv. Pembangunan Pasar Besar Kuala Krai - RM 700,000.00; dan
 - v. Pembinaan gerai dan kemudahan awam Pantai Cahaya Bulan, Kota Bharu - RM500,000.00.
5. **4 projek program pembangunan landskap dan naik taraf taman awam** - RM10,950,700.00;
6. **Program baik pulih rumah di bandar** - RM10,480,000.00;
7. **Program bina baharu rumah di bandar** - RM 2,471,000.00;
8. **3 projek berkaitan Kampung Baru dan Kampung Baru Cina** – RM 4,470,000.00;
9. **Program Rumah Mesra Rakyat (RMR)** - RM69,370,900.00;
10. **Pembaikan dan naik taraf sistem perparitan dan longkang hotspot banjir** - RM4,200,000.00; dan
11. **Penyelenggaraan 10 buah Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)**- RM1,002,270.68

Siri lawatan dimulakan dengan tinjauan ke **Pasar Siti Khadijah** bagi projek menaik taraf dan baik pulih pasar tersebut, melibatkan **kos keseluruhan sebanyak RM7,000,000.00**. Inisiatif ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan yang lebih selesa, bersih dan selamat kepada para peniaga serta pengunjung, di samping memperkukuh daya tarikan ekonomi setempat.

Lawatan diteruskan ke **Kampung Cina, Kota Bharu** bagi meninjau pelaksanaan Program Baik Pulih Rumah di Bandar yang dilaksanakan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB). Projek ini melibatkan dua (2) unit rumah dengan **kos keseluruhan sebanyak RM40,000.00, iaitu RM20,000.00 bagi setiap rumah**. Skop baik pulih merangkumi kerja-kerja memperbaiki dinding, lantai, tangga, bumbung, tingkap serta pendawaian elektrik bagi memastikan kediaman yang lebih selamat dan selesa kepada penduduk yang terlibat. Di sini turut berlangsung **Majlis Penyerahan Mock Up Kunci** kepada 14 penerima Program Rumah Bina Baharu (PRBB), 10 penerima rumah Residensi Tok Bali Fasa 1 dan 10 penerima Rumah Mesra Rakyat (RMR).

Siri jelajah ini turut menyaksikan Majlis Penyerahan *Mock Cheque* kepada 10 RIBI di Kelantan sebagai inisiatif membantu baik pulih dan menaik taraf kemudahan asas rumah ibadat bukan Islam yang memerlukan. Inisiatif ini mencerminkan prinsip inklusiviti dan kesejahteraan untuk semua, selari dengan semangat Malaysia MADANI.

Menurut YB KM, “Pelaksanaan pelbagai projek kesejahteraan rakyat di Kelantan membuktikan tiada negeri yang dipinggirkan dalam agenda pembangunan negara. Sinergi strategik antara KPKT, PBT dan Kerajaan Negeri Kelantan adalah kunci kejayaan.”

Lawatan ini mencerminkan iltizam KPKT untuk terus memacu pembangunan mampan, inklusif dan berimpak tinggi. Kerajaan akan terus memperkukuh kerjasama rentas agensi agar rakyat di seluruh negara memperoleh kemudahan perbandaran yang lebih baik, selesa dan berkualiti.

Turut hadir pada program hari ini adalah Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Negeri Kelantan, YB Tuan Hilmi bin Abdullah; Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Pembangunan) KPKT, YBhg. Datuk Haji Mohd Zamri bin Mat Zain; Ketua Pengarah Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), YBhg. Datuk Mohd Fadzli bin Mohd Kenali; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff; Pengerusi Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), YBhg. Dato' Profesor Dr. Mohd Azmi bin Mohd Lila; Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandaraya Islam (MPKBBRI), YBrs Tuan Haji Azi Rahimee bin Haji Mohamed serta pegawai kanan KPKT dan MPKBBRI.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T